



## **KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DAN PENGESANAN KES BAHARU DI MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat dua (2) pertambahan kes baharu yang dilaporkan pada hari ini.

#### **KES BAHARU KE-20**

Kes ke-20 ini melibatkan seorang lelaki warganegara China berusia 27 tahun yang tiba di Malaysia pada 1 Februari 2020 bagi urusan perniagaan beliau. Pada 12 Februari 2020, beliau telah ke Thailand dan telah kembali ke Malaysia pada 13 Februari 2020. Beliau telah dikesan mempunyai demam oleh *thermal scanner* semasa melalui Pintu Masuk Darat Antarabangsa Malaysia-Thailand, dan seterusnya telah dirujuk ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar pada hari yang sama. Ujian saringan pengesanan COVID-19 telah dijalankan dan telah disahkan positif pada 14 Februari 2020.

#### **KES BAHARU KE-21**

Kes ke-21 adalah seorang wanita warganegara China berusia 32 tahun yang berkahwin dengan warganegara Malaysia dan telah menetap di Malaysia. Beliau mempunyai sejarah perjalanan ke negara China pada

22 Januari 2020 sehingga 30 Januari 2020 untuk melawat keluarga beliau. Pada 13 Februari 2020 beliau mengalami gejala sakit tekak dan kemudiannya dirujuk ke hospital untuk pemeriksaan lanjut. Ujian saringan pengesanan COVID-19 telah dijalankan dan telah disahkan positif pada 14 Februari 2020. Kes dimasukkan ke Hospital Sultanah Maliha, Langkawi untuk rawatan dan pemantauan selanjutnya.

### **SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19.**

Dengan pertambahan dua (2) kes baru ini, jumlah kumulatif kes COVID-19 yang dilaporkan adalah sebanyak 21 kes; iaitu sebelas (11) kes dalam kalangan kes *Patient-Under-Investigation* (PUI) jangkitan COVID-19, lapan (8) kes dalam kalangan kontak rapat dan dua (2) kes dalam kalangan rakyat Malaysia yang dibawa pulang dengan Misi Bantuan Kemanusiaan.

Daripada jumlah tersebut, lima belas (15) kes adalah warganegara China dan enam (6) kes adalah warganegara Malaysia.

### **AKTIVITI PENGESANAN KONTAK RAPAT**

Sehingga kini, aktiviti pengesanan kontak rapat masih diteruskan lagi bagi mengenalpasti kontak rapat kepada kes-kes positif COVID-19. Sebanyak 282 kontak rapat telah dikenalpasti dan jumlah ini akan bertambah sehingga pengesanan kontak rapat ini selesai.

Daripada jumlah ini sebanyak 197 kontak rapat ini terdiri daripada warganegara Malaysia, 54 warganegara China dan 31 lagi lain-lain

warganegara. Kesemua kontak rapat yang telah dikesan, diambil sampel dan diletakkan di bawah perintah pengawasan dan pemerhatian.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**15 FEBRUARI 2020**

**Jadual 1: Ringkasan Kes PUI COVID-19  
Sehingga Jam 10:00 Pagi; 15 Februari 2020**

<b>Warganegara</b>	<b>Negatif</b>	<b><i>Pending</i></b>	<b>Positif</b>	<b>Jumlah</b>
<b>MALAYSIA</b>	314	37	2	353
<b>CHINA</b>	126	8	9	143
<b>LAIN-LAIN</b>	10	1	0	11
<b>JUMLAH</b>	<b>450</b>	<b>46</b>	<b>11</b>	<b>507</b>

**Jadual 2: Ringkasan Kontak Rapat Kes COVID-19  
Sehingga Jam 10:00 Pagi; 15 Februari 2020**

<b>WARGANEGARA</b>	<b>JUMLAH KONTAK</b>	<b>POSITIF</b>	<b>NEGATIF</b>	<b><i>PENDING</i></b>	<b>DALAM PROSES PENGESANAN</b>
<b>MALAYSIA</b>	197	2	153	3	32
<b>CHINA</b>	54	6	40	0	8
<b>LAIN-LAIN</b>	31	0	0	0	31
<b>JUMLAH</b>	<b>282</b>	<b>8</b>	<b>200</b>	<b>3</b>	<b>71</b>

Nota: Kenyataan Akhbar YB Menteri Kesihatan yang bertarikh 5 Februari 2020 telah memaklumkan sejumlah 107 (88 warganegara Malaysia dan 19 ahli keluarga bukan warganegara) individu yang dibawa pulang, dan daripada jumlah tersebut 2 individu telah dikesan positif COVID-19.